

## **AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (AKTA 709)**

### **KOMITMEN/TANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN YANG DIHARGAI**

NAMA SYARIKAT ----- (No. Pendaftaran Syarikat ----- ) adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami berjanji akan memproses & mengendalikan data peribadi dengan berdasarkan hak-hak subjek data (pelanggan) kami seperti berikut :

1. Hak untuk diberitahu samada data mereka diproses oleh organisasi berkenaan/pihak ketiga;
2. Hak untuk mengakses data peribadi;
3. Hak untuk membetulkan data peribadi;
4. Hak untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi;
5. Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau tekanan (distress);dan
6. Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung

### **HAK KAMI SEBAGAI PENGGUNA DATA DI BAWAH AKTA 709**

1. Hak untuk memproses data peribadi setelah memperolehi kebenaran subjek data;
2. Boleh terus memproses data peribadi bagi melaksanakan sesuatu kontrak dimana subjek data adalah suatu pihak kepadanya;
3. Boleh terus memproses data peribadi atas permintaan subjek data untuk Membuat sesuatu kontrak;
4. Boleh terus memproses data peribadi bagi melindungi kepentingan vital subjek data;
5. Boleh terus memproses data bagi mematuhi obligasi undang-undang dimana subjek data merupakan subjek baginya;
6. Boleh terus memproses data peribadi bagi mentadbirkan keadilan;
7. Boleh terus memproses data peribadi bagi menjalankan fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang atau dibawah mana-mana undang-undang;
8. Boleh mengenakan bayaran fi yang ditetapkan kepada subjek data atas permintaan mengakses data peribadinya;
9. Boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data dengan memaklumkan subjek data secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan;